

70,000 ahli Puteri daftar pengundi

MUAR: Pergerakan Puteri Umno berjaya mendaftar kira-kira 70 peratus atau 70,000 daripada 100,000 ahlinya yang belum mendaftar sebagai pengundi setahun selepas melancarkan kempen pendaftaran di seluruh negara.

Ketuanya, Datuk Noraini Ahmad, berkata kempen diadakan selepas mendapati daripada kira-kira 300,000 ahlinya, 100,000 belum mendaftar sebagai pemilih dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Puteri berjaya mendaftarkan kira-kira 70 peratus daripada 100,000 ahlinya sebagai pengundi dengan SPR dan ini menunjukkan kejayaan kempen berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan hadiah pada pertandingan Futsal Piala Datuk Noraini Ahmad, di sini semalam.

Pertandingan anjuran Puteri Umno bahagian Bakri itu disertai 19 pasukan dan dimenangi pasukan Puteri Umno bahagian Johor Bahru yang mengalahkan Puteri Umno bahagian Parit Sulong pada perlawanan akhir.

Noraini berkata, langkah mendaftarkan pengundi baru di kalangan ahli Puteri juga selaras persiapan menjelang pilihan raya umum akan datang dan membolehkan ahlinya yang berusia 21 tahun dan lebih, menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Mengenai persiapan Puteri menghadapi pilihan raya umum akan datang, Noraini berkata, pihaknya sudah menggerakkan jentera pilihan raya Puteri pada peringkat negeri dan bahagian.